

# Pelajar OKU UMS sertai cabaran pecah rekod MBR

UB 22-1-2014 B4

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

**S** EORANG pelajar kelainan upaya penglihatan (OKU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut menyahut cabaran dalam 'Longest Distance Run on a Treadmill Run By a Group'.

Abner Moile, 21, yang mengalami 'rabun luar biasa' sejak lahir menjadi peserta pertama daripada sembilan pelajar UMS yang lain memulakan larian berkumpulan itu untuk mencipta rekod dalam 'Malaysia Book Of Records 2014' (MBR) yang berlangsung di 1Borneo kelmarin.

Katanya, dia mahu menunjukkan bahawa golongan sepertinya itu mampu melakukan sesuatu seperti individu yang normal.

"Ini adalah pertama kali saya menyertai acara larian berkumpulan di 'treadmill' untuk mencipta rekod MBR.

"Saya juga berlatih selama sebulan untuk program ini kerana menyedari rakan seperjuangan yang normal lebih kuat dan bertenaga dari saya," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran program MBR.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata, dengan penglibatan Abner, ia jelas membuktikan UMS sentiasa mengiktiraf dan memberi perhatian kepada golongan kurang bernasib baik.

"Saya amat berbangga dengan penglibatan pelajar ini dalam merealisasikan impian UMS, khususnya menempah nama dalam rekod Malaysia," katanya.

Ketika sidang media, Harun berkata, UMS menyasarkan larian berkumpulan di treadmill sebanyak 264 jam atau 11 hari dengan kelajuan enam kilometer sejam oleh sembilan pelajar.

Menurutnya, pihak UMS mahu memecahkan rekod yang pernah dicapai oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan

Sarawak pada 2012 iaitu 120 jam atau lima hari yang dilakukan sembilan pelajar.

"Sebenarnya, pelajar kita hanya perlu mengatasi selama enam hari atau 144 jam untuk memecahkan rekod namun UMS mahu menyasarkan pencapaian lebih jauh iaitu selama 11 hari," katanya.

Turut hadir, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Masiung Banah yang mewakili Menteri Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan bagi menyempurnakan majlis berkenaan.

*Gambar kiri*  
**ABNER** pelajar pertama daripada sembilan yang memulakan larian di treadmill untuk mencipta rekod MBR bagi pihak UMS.

*Gambar di bawah*  
**MASIUNG** menggantung reben pada treadmill sambil diperhatikan Harun (kiri) sebagai simbolik pelancaran acara itu.

